

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 FEBRUARY 2017

Kit Siang, Dr. Mahathir saling memerlukan

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Sikap membisu Penasihat DAP, Lim Kit Siang berhubung skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF) yang berlaku pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan kedua-dua pemimpin veteran itu saling memerlukan demi kepentingan politik anak-anak mereka.

Bekas Setiausaha Organisasi DAP Bahagian Jelutong, Mohamed Razali Abdul Rahman berkata, sebab itu, tidak menghairankan sekiranya Kit Siang dan Dr. Mahathir akan berterusan saling menyokong dalam memastikan ahli keluarga mereka terus berada di puncak kepemimpinan.

“Sikap berdiam diri Kit Siang memang sesuatu yang pelik ke-

rana sebelum ini beliau orang pertama kritik Dr. Mahathir sewaktu skandal kewangan itu tetapi sekarang membisu seribu bahasa.

“Pelbagai gelaran pernah dilontarkan terhadap Dr. Mahathir oleh Kit Siang tetapi sekarang apa yang membuatkan beliau berdiam diri? Kit Siang seboleh-bolehnya akan mengelak daripada menjawab skandal kewangan itu dan kedua-duanya akan menyokong sesama mereka,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Menurutnya, sikap Kit Siang se-



**MOHAMED RAZALI
ABDUL RAHMAN**

demikian amat menghairankan ekoran sewaktu skandal kewangan itu menggemparkan negara, beliau lantang mengkritik Dr. Mahathir malah pernah menggelarnya sebagai penyangkal selain menulis dua buku berjudul *The BMF Scandal* (1983) dan *BMF: The Scandal of Scandal* (1986).

Mengulas lanjut, Mohamed Razali mendakwa, skandal BMF tidak akan menjejaskan hubungan sesama kedua-dua pemimpin terbabit kerana masing-masing saling memerlukan sokongan antara satu sama lain.

um - 3/2/2017